

16/04/1999

RM10b untuk prasarana (HL)

Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan menyediakan RM10.64 bilion bagi melaksanakan pelbagai projek prasarana yang sudah dikenal pasti dalam fasa kedua program pengembangan fiskal negara.

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, berkata projek berkenaan akan diumumkan apabila butir terperinci mengenainya diputuskan tidak lama lagi.

Menurutnya, dalam fasa pertama program itu, projek yang dikenal pasti termasuk bekalan air meliputi Pahang dan Selangor; universiti di Sarawak; stesen janakuasa di Port Dickson; empangan di Kedah; jalan raya di Pulau Pinang dan kemudahan pendidikan di seluruh negara.

Beliau memberitahu demikian pada perjumpaan selama sejam dengan kira-kira 20 ahli perniagaan Amerika Syarikat yang juga sebahagian daripada delegasi Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean, di sini hari ini.

Mengetuai delegasi itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Perniagaan Amerika-Malaysia yang juga Naib Presiden Oracle Corporation, Lauren Lenfest.

Wakil Kerajaan Malaysia termasuk Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Ketua Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Dr Sulaiman Mahbob.

Daim yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini berehat selepas dirawat selama 11 hari di Institut Jantung Negara (IJN) akibat jangkitan paru-paru.

Menurut penganalisis, projek infrastruktur dilaksanakan ketika ini mungkin kerana ia mempunyai kesan gandaan yang tinggi kepada keseluruhan ekonomi negara berbanding kegiatan lain.

Projek infrastruktur dianggarkan boleh menjana perolehan 11 kali ganda bagi setiap ringgit yang dilaburkan, berbanding empat kali bagi pembuatan dan enam kali bagi perbelanjaan pengguna.

Beliau juga berkata, kerajaan memandang serius beberapa kelewatan pembayaran oleh syarikat tempatan kepada firma asing yang melaksanakan kontrak, yang turut dibangkitkan ahli perniagaan berkenaan.

Daim turut ditanya mengenai cadangan perjanjian percukaian dua hala yang berlarutan sekian lama.

Katanya, isu terakhir yang masih tidak dapat dipersetujui ialah permintaan Amerika supaya Malaysia menukar undang-undang kerahsiaan sektor perbankan yang menurutnya agak sukar untuk dilaksanakan.

Bagaimanapun, katanya, pegawai Perbendaharaan sudah diarahkan untuk mengkaji perkara itu bagi mencari jalan membolehkan kedua-dua negara mencapai persetujuan.

"Saya yakin isu itu akan berjaya diselesaikan. Saya akan melaksanakan tanggungjawab saya tetapi dalam masa yang sama, saya berharap anda juga memainkan peranan di bahagian anda," katanya.

Mengenai status perjanjian cukai dua hala Amerika-Malaysia, Daim berkata perkara itu sudah berlanjutan terlalu lama, walaupun ia mampu membawa keuntungan kepada kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Malaysia dan ahli perniagaan Amerika.

Mengenai persoalan berkaitan pendirian kerajaan terhadap peningkatan ekuiti asing dalam syarikat tempatan, Daim berkata perkara itu perlu ditangani dengan berhati-hati agar sebarang perubahan yang akan dilakukan tidak menjejaskan kepentingan semua pihak.

Menurutnya, kerajaan selalunya anjal dalam bahagian itu dan akan menimbangkan setiap permohonan berdasarkan kepada sama ada ia boleh

mewajarkan kepentingan majoriti dan memberi manfaat kepada negara.
(END)